

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
IBU PEJABAT LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
PORT KLANG, SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH:
LEW SIA LING
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(KARITIM)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2002

LAPORAN AKHIR

LATIHAN INDUSTRI DI

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH


Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di mata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

LAPORAN AKHIR
LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT
SEMENANJUNG
MALAYSIA,
PELABUHAN KLANG
SELANGOR

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **Lew Sia Ling**, mengaku bahawa kertas projek bagi kursus **PGN 4799**, adalah hasil usaha saya sendiri.

Tandatangan




LEW SIA LING


UK4272

28HB September 2002

Disahkan oleh:



Dr. Mahadzirah Mohamad
Ketua Jabatan,
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran,
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi,
Terengganu.



Tn. Haji Abdul Rahim Ibrahim
Penyelia,
Kursus PGN 4799,
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi
Terengganu.

PRAKATA

Program latihan industri ini merupakan kursus yang wajib diambil oleh semua mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang terlibat. Dengan lain kata, latihan industri ini merupakan suatu aspek yang amat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM.

Latihan industri ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran dan mendapat pengalaman yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Pelajar boleh mempelajari sesuatu semasa latihan industri dengan melalui pemerhatian dan juga penglibatan secara langsung suatu tugas yang diberi. Di samping itu, pelajar akan lebih memahami nilai etika profesional masing-masing dan seterusnya menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan untuk mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduasi kelak.

Saya amat bersyukur kerana dapat menyiapkan latihan industri. Selama 12 minggu ini, saya telah mendapat bantuan dan bimbingan daripada banyak pihak. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada KUSTEM kerana telah merancang program latihan industri ini. Dengan menjalani latihan industri saya berupaya mendapat gambaran yang jelas mengenai kerjaya saya. Selepas itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Tn. Haji Abdul Rahim Ibrahim yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya untuk menjayakan latihan industri ini.

Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Laut Semenanjung Malaysia kerana sudi menerima saya untuk menjalani

latihan industri dalam organisasi mereka terutamanya kepada Tuan Hj. Abdul Jamil b. Murshid yang merupakan Pengarah bagi Bahagian Kawalan Industri dan juga penyelia saya semasa menjalani latihan industri saya di Jabatan Laut iaitu Encik Ahmad Khairuddin Ismail. Beliau merupakan Ketua Penolong Pengarah bagi Unit Pendaftaran Kapal. Selain itu, saya juga amat menghargai tunjuk ajar dan juga bimbingan yang telah diberi oleh Encik Wan Endok, Encik Rossid, Captain Halim, Encik Alif, Pn.Jenny dan lain-lain lagi.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Lampiran	vi
Ringkasan Eksekutif	vii
Bab 1: Latar Belakang Organisasi	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif, Visi, Misi	1
1.3 Pemilikan	3
1.4 Tumpuan Pasaran	3
1.5 Maklumat Organisasi	4
1.5.1 Penyertaan Dalam Pertubuhan Maritime Antarabangsa	
1.5.2 Lokasi	
1.5.3 Alamat Ibu Pejabat Dan Cawangan	
1.5.4 Pengiktirafan Iso 9002	
1.5.5 Organisasi Dan Bidang Kuasa	
1.5.6 Undang-Undang Atau Peraturan Lain Yang Dikuatkuasakan	
1.5.7 Pelanggan Jabatan – Luaran	
1.5.8 Sumber Manusia	
1.6 Carta Organisasi	12
1.7 Aktiviti Organisasi	15
1.7.1 Bahagian Kawalan Industri	

1.7.2	bahagian Keselamatan Pelayaran	
1.7.3	bahagian Hal-Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan	
1.7.4	Bahagian Dasar Dan Perkhidmatan Korporat	
1.8	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari Dalam LI	35
Bab 2: Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian		
2.1	Mengesan sistem Yang Ada	37
2.1.1	Sistem Pemeriksaan Kapal	
2.1.2	Sistem Kelulusan Pelan	
2.1.3	Sistem Pengeluaran Perakuan Insuran 1969 CLC	
2.1.4	Sistem Perlantikan Kakitangan Bagi Kumpulan Sokongan	
2.1.5	Sistem Pemeriksaan "Port State Control"	
2.1.6	Sistem Pelaksanaan Kompaun	
2.1.7	Sistem Pendaftaran Kapal	
2.2	Mengenalpastian Masalah	70
2.2.1	Kekurangan Kakitangan Yang Mahir	
2.2.2	Sistem Fail Yang Tidak Teratur	
2.2.3	Sistem Undang-Undang Yang Perlu Diubahsuai	
2.3	Cadangan Penyelesaian, Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	76
	Penutup	82
	Rujukan	
	Lampiran	

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 1 - Pentadbiran Pejabat Wilayah	7
Jadual 2 - Alamat Pejabat Wilayah.	7
Jadual 3 - Jumlah Kakitangan Yang Berkhidmat Di Jabatan Laut	11
Jadual 4 - Bahagian Dan Unit Yang Di Bawah Kuasanya.	15
Jadual 5 - Bilangan Alat Bantuan Yang Dipasang.	26
Jadual 6 - Bilangan Aset Bangunan Milikan Jabatan Laut	35
Jadual 7 - Bilangan Aset Peralatan Keselamatan Pelayaran Milikan Jabatan Laut	35
Jadual 8 – Laporan Pemeriksaan Kapal Malaysia Di Bawah Pemeriksaan Kawalan Bendera Dan Pelabuhan Bagi Tahun 2001	58
Jadual 9 – Laporan Pemeriksaan Kapal Malaysia Di Bawah Pemeriksaan Bendera Pelabuhan Mengikut Pelabuhan Pendaftaran, Badan Klasifikasi Dan Jenis Kapal Bagi Tahun 2001	59
Jadual 10 – Alamat Pejabat Pelabuhan Pendaftaran	69
Jadual 11 – Jumlah Keseluruhan Bilangan Kapal Yang Berdaftar Sehingga Tahun 2001	70

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah	Muka Surat
Rajah 1 - Carta Organisasi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	12
Rajah 2 - Carta Organisasi Bagi Bahagian Kawalan Industri	13
Rajah 3 - Carta Organisasi Bagi Bahagian Dasar Dan Perkhidmatan Korporat	13
Rajah 4 - Carta Organisasi Bagi Bahagian Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan	14
Rajah 5 - Carta Organisasi Bagi Bahagian Keselamatan Pelayaran	14

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A - Hubungkait Perkhimatan Dan Pelanggan
- Lampiran B – Peta Semenanjung Malaysia
- Lampiran C - Perairan Pelabuhan
- Lampiran D – Perairan Malaysia dan EEZ
- Lampiran E – Perairan Dunia
- Lampiran F - Tawaran Untuk Mengkompaun Satu Kesalahan
- Lampiran G - Perakuan Insurans
- Lampiran H - Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran
- Lampiran I - Maklumat Mengenai Kapal Korek
- Lampiran J - *Certificate Of Recognition* dan *Certificate of Competency*
- Lampiran K – Borang Permohonan Untuk Pemeriksaan Kapal Atau Alat
Kapal
- Lampiran L - Contoh Sijil Kapal
- Lampiran M - *Blue Card*
- Lampiran N – *Certificate of Survey*

RINGKASAN EKSEKUTIF

Semua mahasiswa dan mahasiswi dari Sarjana Muda Pengurusan Maritim dikehendaki menjalankan latihan industri, PGN 4799. Tempoh yang diperlukan untuk menjalani latihan industri ini adalah selama 12 minggu iaitu bermula dari 4 Mac 2002 hingga 24 Mei 2002.

Saya telah menjalani latihan industri saya di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia, Pelabuhan Klang. Jabatan Laut telah membahagikan pengurusan dan tugas mereka kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Dasar dan Perkhimatan Korporat, Bahagian Kawalan Industri, Bahagian Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan dan Bahagian Keselamatan Pelayaran. Dalam tempoh 12 minggu ini, saya telah ditempatkan di bawah Bahagian Kawalan Industri.

Bahagian Kawalan Industri juga membahagikan tugasnya kepada 4 unit lagi iaitu Unit Penguatkuasaan, Unit Keselamatan Kapal, Unit Pendaftaran Kapal dan Unit Pengurusan Keselamatan Kapal. Saya telah ditugaskan di bawah Unit Pendaftaran Kapal. Penyelia saya dalam tempoh latihan industri ini ialah Encik Ahmad Khairuddin Ismail. Beliau merupakan Ketua Penolong Pengarah bagi Unit Pendaftaran Kapal. Unit ini bertanggungjawab terhadap urusan yang berkaitan dengan pendaftaran kapal dan memastikan kapal yang berdaftar tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan seperti mana yang telah ditetapkan.

Dalam laporan latihan industri ini telah menyatakan mengenai latar belakang Jabatan Laut. Daripada penjelasan latar belakang jabatan juga telah menerangkan mengenai objektif, misi dan visi jabatan yang telah ditetapkan untuk mencapai matlamat organisasi. Melalui laporan ini kami akan dapat tahu sedikit sebanyak mengenai tumpuan jabatan, punca kuasa yang digunakan oleh jabatan dan juga bidang kuasanya, penyertaan jabatan dalam peringkat antarabangsa, pihak ataupun pelanggan yang sentiasa berurusan dengan jabatan, aktiviti organisasi mengikut unit bagi setiap bahagian dan lain-lain lagi. Maklumat-maklumat tersebut telah diterangkan dalam Bab 1.

Dalam Bab 2 pula akan membincangkan sistem-sistem kerja yang dijalankan oleh Jabatan Laut. Antara sistem kerja yang dibincangkan dalam laporan saya ini ialah sistem pemeriksaan kapal, sistem kelulusan pelan kapal, Sistem Pengeluaran Perakuan Insuran 1969 CLC dan Sistem perlantikan kakitangan bagi kumpulan sokongan. Selain daripada membincangkan mengenai sistem kerja yang dijalankan, masalah-masalah yang wujud yang akan mempengaruhi pencapaian sistem kerja tersebut turut dikaji. Saya juga telah mencadangkan beberapa cadangan penyelesaian dan juga pelaksanaannya untuk mengatasi masalah yang timbul. Di samping itu, saya juga telah membincangkan implikasi yang wujud daripada cadangan yang telah saya cadangkan.